

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : Y.B. PUAN RUBIAH BINTI HAJI WANG
[KOTA SAMARAHAN]**

TARIKH : 16.11.2016

SOALAN :

Puan Rubiah binti Haji Wang [Kota Samarahan] minta MENTERI PENDIDIKAN menyatakan inisiatif Kementerian untuk menaik taraf dan membaik pulih infrastruktur sekolah yang berusia melebihi 30 tahun di Kota Samarahan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sentiasa memberi perhatian kepada sekolah-sekolah yang daif dan usang terutamanya di kawasan luar bandar dan pedalaman termasuk di Kota Samarahan, Sarawak. Pada dasarnya KPM telah merancang projek pembangunan pendidikan untuk kelulusan peruntukan bagi pelaksanaan dalam Rancangan Malaysia Lima Tahun (RMLT) seperti pembinaan bangunan gantian ataupun tambahan melalui kaedah *Industrialized Building System* (IBS) yang ternyata lebih menjimatkan kos dan masa. KPM berusaha menaik taraf kemudahan infrastruktur dan menggantikan bangunan sekolah usang yang disahkan tidak selamat dengan bangunan baharu. Namun demikian, pelaksanaannya adalah tertakluk kepada kelulusan agensi pusat dan kemampuan kewangan negara.

RJM57